

28 JUL 2003

MAHATHIR-CINA/I (UPDATE 1)

ORANG CINA DISARAN LEBIH KETARA DALAM PEMBINAAN NEGARA

PETALING JAYA, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan kepada orang-orang Cina yang berada di luar negara asal keturunan mereka supaya lebih ketara dalam proses pembinaan negara di mana mereka tinggal sekarang.

"Jika boleh, mereka perlu mengadakan perkongsian yang sebenar dengan penduduk asal di tempat itu," katanya ketika merasmikan Persidangan Usahawan Cina Sedunia ketujuh, di sini.

Bagi penduduk asal pula, beliau berkata, mereka juga perlu secara serius mempelajari dan mendapatkan kemahiran perniagaan dan keusahawanan orang-orang Cina.

"Ini akan membantu membetulkan pandangan yang telah lama dipegang terhadap orang-orang Cina di luar negara, yang mungkin disebabkan oleh sikap pendatang di masa lampau yang kelihatan lebih menumpu kepada usaha menambah kekayaan mereka berbanding sumbangan mereka kepada pembangunan sosio ekonomi negara tempat mereka tinggal," katanya.

Bagaimanapun, katanya, memang tidak diragukan lagi bahawa orang-orang Cina telah banyak memberi sumbangan ke arah menjadikan Malaysia sebagaimana hari ini.

Dr Mahathir berkata orang Cina di luar negara menyumbang kepada pengwujudan kekayaan di negara-negara ini disebabkan oleh keusahawanan mereka, kerelaan mereka untuk menanggung risiko dan apresiasi segera mereka kepada keperluan tempat di mana mereka berhijrah.

"Mereka nampak apa yang orang tempatan tidal nampak, peluang yang banyak," katanya.

Tetapi untuk menjadi sensitif kepada keadaan dan keperluan tempatan bagi memastikan persekitaran yang baik wujud bagi perniagaan di negara-negara ini, katanya, orang Cina di luar negara perlu bekerjasama rapat dengan penduduk asal dan membantu mengurangkan perbezaan ekonomi antara mereka dan rakyat tempatan.

Ia akan menyumbang kepada perkongsian adil kekayaan yang dikeluarkan oleh keusahawanan orang Cina selain menghalang insiden yang sering berlaku di banyak negara Asia Tenggara sebagai contoh, apabila berlakunya situasi yang tidak baik.

Di Malaysia, Perdana Menteri berkata hubungan antara Melayu dan Cina adalah simbiotik - kedua-dua mendapat faedah daripada peranan khusus masing-masing.

"Sementara Melayu menyediakan pentadbiran yang baik, jika tidak sempurna, orang Cina pula menyediakan keusahawanan dan kemahiran perniagaan bagi memperkayakan negara," katanya.

Sesetengah pihak, katanya, akan menyatakan ia adalah kronisme antara golongan elit asal yang memerintah dan jutawan Cina, tetapi bilangan orang Cina yang berjaya tanpa mengenali pemimpin atau pegawai kerajaan adalah ramai.

Dengan itu adalah mustahil bagi yang kaya dan pemurah untuk kekal tidak dikenali, beliau menambah.

Di Malaysia, kata Dr Mahathir, kerajaan tidak cuba untuk mengasimilasikan orang Cina atau India kepada masyarakat asal tetapi pendekatannya adalah menerusi integrasi.

"Perselisihan kaum jarang berlaku di Malaysia walaupun mungkin berlaku ketegangan pada masa-masa tertentu," katanya.

Mengenai kejayaan orang Cina di luar negara di peringkat global, beliau

berkata pada Mei 2000, terdapat 34 juta orang Cina tinggal di 140 negara dan telah meningkat kepada 60 juta pada 2002, menurut satu kajian.

Dengan anggaran kekayaan lebih daripada AS\$1.5 trilion, orang Cina di luar negara adalah ekonomi yang ketiga terbesar di dunia selepas keluaran negara kasar (KPK) Amerika Syarikat dan Jepun.

Asia, katanya, mempunyai penduduk Cina luar negara terbesar sebanyak 28 juta diikuti dengan Amerika pada 3.5 juta, Eropah 1.6 juta, Oceania 571,000 dan Afrika 137,000.

Dr Mahathir berkata mengikut bilangan dan kekayaan, beberapa pemerhati politik dan ahli ekonomi berpendapat bahawa orang Cina di seberang laut boleh mempengaruhi ekonomi dunia.

Tetapi beliau berkata China sendiri tidak pernah membentuk regim kewangan dan ekonomi antarabangsa bagi memastikan penguasaan ekonomi dunia oleh orang Cina.

Jauh daripada cuba untuk menguasai dan menyusun semula sistem dunia, orang Cina di luar negara telah cuba kekal dengan sikap tidak menonjolkan diri.

Tanpa perlindungan dari China, katanya, orang Cina di seberang laut sentiasa sensitif kepada persoalan kesetiaan politik dan ekonomi mereka kepada negara-negara di mana mereka tinggal.

Bagaimanapun, kejayaan dan kekayaan mereka telah menjadi penyebab kepada sikap iri hati dan cemburu di kalangan penduduk tempatan dan menyebabkan berlakunya keganasan yang mana mereka menjadi sasaran, tetapi masih ramai yang memilih untuk terus tinggal di negara angkat mereka.

Meskipun menjadi warga negara berkenaan, mereka mengekalkan identiti mereka dan terus setia kepada hubungan suku dan keluarga mereka.

Mereka membentuk rangkaian global yang menyediakan kemudahan kepada mereka menjalankan perniagaan di seluruh dunia.

Dengan hubungan mereka dengan China yang semakin menjadi kuasa besar ekonomi, peluang yang ada kepada usahawan Cina adalah tidak terhad, kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

SHO KTC NHD JR